



DR. NOOR AZLAN GHAZALI (kiri) menerima replika cek sumbangan Thailand yang disampaikan oleh Damrong Kraikruan dalam majlis menandatangani memorandum persefahaman di Bangi, semalam.

UKM terima dana RM83,000 daripada Kedutaan Thailand

BANGI 21 Sept. - Kedutaan Thailand memperuntukkan dana sebanyak RM83,000 kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi menjalankan beberapa penyelidikan yang melibatkan institusi pendidikan kedua-dua negara tersebut.

Penyelidikan tertumpu kepada semua fakulti di UKM terutama Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan serta Fakulti Sains dan Teknologi.

Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, kerjasama kali ketiga ini penting memandangkan ia mampu meningkatkan pemahaman warga UKM mengenai Thailand.

Beliau berkata, sumbangan

dana itu membuktikan Kedutaan Thailand menyokong sepenuhnya projek yang dikenali sebagai Jendela Thailand.

"Ini bukan kali pertama UKM menjalankan kerjasama di peringkat antarabangsa sejak penubuhannya 45 tahun lepas. Kami percaya, hubungan erat yang terjalin terutamanya dengan Thailand bukan sahaja dapat meningkatkan akademik pelajar, malah memberi kesan positif kepada bidang industri dan pentadbiran awam.

"Oleh sebab itu, saya mewakili pihak UKM ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kedutaan Thailand kerana sudi menyumbangkan dana dan percaya akan kebolehan UKM dalam me-

laksanakan penyelidikan," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UKM dengan Kedutaan Thailand di sini hari ini.

MoU tersebut ditandatangani Noor Azlan dan Duta Thailand ke Malaysia, Damrong Kraikruan.

Tambah Noor Azlan, dengan termeterai perjanjian itu, UKM boleh dijadikan sebagai platform atau rujukan oleh mana-mana pihak yang ingin memulakan perniagaan di Thailand dan sebaliknya.

"Selain itu, hubungan silaturahim antara UKM dengan Thailand dapat dieratkan lagi pada masa-masa akan datang," katanya.